

02 FEBRUARI 2018

Pasangan kekasih edar dadah ditahan

Pasangan kekasih edar dadah ditahan

BATU GAJAH 1 Feb. - Sepasang kekasih yang dipercayai menghasilkan dan mengedar dadah di sekitar daerah ini ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Jalan Besar Bemban Baru di sini minggu lalu.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Ahmad Tarmizi Shaari berkata, serbuan itu dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah pada pukul 2.45 petang 24 Januari lalu.

Menurutnya, dalam serbuan itu seorang lelaki tempatan dan wanita warga Vietnam masing-masing berusia 47 dan 32 tahun ditahan.

"Pasangan itu dipercayai terlibat menjalankan kegiatan mengedar dadah sejak empat bulan lalu.

"Dalam serbuan itu, polis menemukan satu botol cecair klorofom 500 mililiter untuk menghasilkan dadah, heroin seberat 27 gram, ketamin (1.12 gram) dan kafein (24.2 gram)," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Ahmad Tarmizi, ujian air kencing mendapati suspek lelaki positif dadah jenis morfin manakala suspek wanita positif amphetamin dan methamphetamin.

"Suspek lelaki mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan empat kes dadah dan satu kes jenayah. Mereka direman 14 hari sehingga 6 Februari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Menurutnya, polis turut menyita sebuah kereta jenis Audi TT milik suspek lelaki yang bernilai RM100,000.

